

26/10/1999

Dorongan fiskal rangsang permintaan dalam negara

Kadir Dikoh

BELANJAWAN negara tahun depan, iaitu Belanjawan pertama bagi alaf baru yang dibentangkan Jumaat ini, dijangka digubal untuk terus menyokong pemulihan ekonomi.

Untuk Belanjawan 1999 yang dibentangkan tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan mengubah belanjawan fiskal yang ketat kepada satu belanjawan bagi mengembangkan ekonomi. Hasilnya terbukti positif apabila negara yang bergelut dengan krisis ekonomi dua tahun lalu, mula berada pada laluan pemulihan yang kukuh.

Bagi Belanjawan 2000 yang akan dibentangkan oleh Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin nanti, Dr Mahathir sudah membayangkan bahawa strategi bagi Belanjawan 1999 itu akan diteruskan.

Persoalannya ialah apakah negara perlu terus dengan strategi Belanjawan untuk melonjakkan ekonomi? Jika ya, untuk berapa lama?

"Ya, kita perlu meneruskan strategi Belanjawan bagi mengembangkan ekonomi sekurang-kurangnya untuk tahun ini dan tahun depan," kata pengurus ekonomi dan penyelidikan pasaran Rating Agency Malaysia Bhd (RAM), Dr Yeah Kim Leng.

Yang nyata, kerajaan terpaksa berdepan dengan Belanjawan defisit, seperti tahun lalu bagi merangka strategi mengembangkan ekonomi.

Dr Yeah yakin Belanjawan defisit mungkin berterusan selama tiga tahun mulai tahun lalu bagi membiayai serta menyokong pemulihan ekonomi. Pakar ekonomi itu berpendapat kerajaan akan hanya menarik balik Belanjawan bagi merangsang fiskal jika sektor swasta yang terencat berikutan kegawatan ekonomi, kembali cergas untuk memacu ekonomi negara seperti sebelum krisis.

Namun, timbul pula satu persoalan, iaitu bagaimana kerajaan membiayai Belanjawan defisit jika bercadang mengurangkan cukai disebabkan pilihan raya umum tidak lama lagi. Jangkaan ramai ialah Belanjawan kali ini akan banyak membabitkan pemotongan cukai, terutama cukai korporat dan barangan perlu. Apakah kerajaan akan terpaksa membuat pinjaman asing untuk membiayai Belanjawan defisit dalam usaha memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan?

Dr Yeah berkata, negara masih boleh membuat pinjaman asing jika perlu tetapi dalam keadaan sekarang, Malaysia tidak mempunyai masalah mudah tunai dalam pasaran tempatan yang boleh digunakan bagi tujuan itu.

"Jika kita terpaksa membuat pinjaman asing sekalipun, saya rasa ia boleh dilakukan apatah lagi dengan tahap penarafan negara yang positif di pasaran antarabangsa sekarang. Ini akan menyebabkan kos bagi pinjaman itu menjadi lebih murah," katanya.

Sesetengah penganalisis berpendapat kerajaan berupaya meneruskan Belanjawan defisit tahun depan kerana kedudukan kewangannya yang kukuh dan mereka menyokong matlamat Belanjawan 2000 yang akan terus memberi tumpuan kepada dorongan fiskal bagi merangsang permintaan dalam negara.

Ketua penyelidik di Jupiter Research, Phuah Lee Kerk, berkata keadaan ekonomi negara sekarang adalah ibarat 'orang yang baru boleh berjalan semula' setelah dibelenggu kegawatan ekonomi.

Katanya, dalam keadaan seumpama itu, Belanjawan bagi pemulihan ekonomi amat perlu dengan tumpuan kepada dorongan fiskal untuk terus meletakkan Malaysia pada laluan pemulihan yang lebih mantap.

"Mungkin Belanjawan untuk tahun 2001, kita tidak perlu lagi Belanjawan bagi mengembangkan ekonomi, kerana ketika itu nanti sektor swasta sudah

pasti kembali cergas," katanya.

Selaras usaha menyokong pemulihan ekonomi itu, dorongan fiskal bagi merangsang permintaan dalam negara dijangka diberi perhatian, manakala usaha sektor swasta ke arah meningkatkan produktiviti, nilai tambah dan daya saing negara akan diberi sokongan.

Keutamaan juga dijangka terus diberikan kepada peluang pertumbuhan baru, terutamanya dalam sektor perkhidmatan seperti teknologi maklumat yang dikenal pasti sebagai jentera pertumbuhan.

Di samping itu, kerajaan dijangka memberi keutamaan kepada matlamat pertumbuhan ekuiti, khususnya usaha mengagih pendapatan serta membasmi kemiskinan dan membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Bagaimanapun sektor swasta perlu secepat mungkin mengambil alih semula tanggungjawabnya sebagai jentera pertumbuhan ekonomi kerana usaha itu tidak akan berjaya jika semata-mata bergantung kepada dorongan fiskal kerajaan dan kadar faedah rendah.

Sektor swasta harus mengambil iktibar daripada krisis kewangan serantau baru-baru ini yang mana kebanyakan negara terjejas akibat krisis itu, sektor swasta melabur jauh lebih tinggi daripada kemampuan dana dalaman mereka.

Sebahagian besar pelaburan itu adalah dalam sektor yang tidak dapat menjana pendapatan pertukaran asing serta menghasilkan pulangan yang lama. Akibatnya, banyak syarikat menghadapi masalah mudah tunai kerana tiada keseimbangan antara aliran pendapatan pelaburan dan bayaran tanggungan dari segi tempoh matang dan mata wang penyelesaian.

Oleh itu, sektor swasta harus meningkatkan tahap pengurusan risiko dan pulangan supaya tidak lagi terjerumus dalam keadaan seperti dialami akibat krisis kewangan itu.

Mereka perlu mengukuhkan sistem kewangan serta menyusun semula struktur korporat dengan memastikan pentadbiran korporat yang berhemah, telus dan bertanggungjawab serta mengamalkan piawai keterbukaan yang tinggi. Kerajaan sudah mengambil semua langkah perlu bagi mencergaskan semula ekonomi.

Ini termasuk melaksanakan rangsangan fiskal untuk mendorong kegiatan ekonomi, melonggarkan dasar kewangan serta melaksanakan usaha menyusun semula struktur sektor kewangan.

Nescaya, Belanjawan 2000 yang akan dibentangkan itu, akan menggambarkan pemulihan ekonomi yang dicapai oleh negara.

Dalam satu temuramah dengan Reuters minggu lalu, Dr Mahathir berkata ekonomi sudah pulih dengan lebih cepat daripada jangkaan selepas negara mengalami kemelesetan paling teruk dalam tempoh lebih empat dekad dan beliau menjangka pertumbuhan lebih tinggi berbanding zaman ledakan ekonomi pada akhir 1980-an dan awal 1990-an.

Perdana Menteri menjangkakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini tumbuh melebihi satu peratus. "Ia kelihatan akan berkembang melebihi satu peratus tetapi secara rasmi, kita meletakkannya kepada satu peratus. Saya rasa kita akan mencapai sekurang-kurangnya lima peratus pada 2000," katanya.

KDNK menguncup 7.5 peratus tahun lalu, penurunan paling teruk sejak merdeka pada 1957. KDNK berkembang 4.1 peratus pada suku kedua tahun ini dan Dr Mahathir pernah menyatakan yang beliau menjangka pertumbuhan mantap pada suku ketiga.

Belanjawan 2000 itu kemungkinan menunjukkan defisit, sebahagian strategi untuk merangsang pertumbuhan.

Sesetengah penganalisis percaya kerajaan dijangka membentangkan satu lagi Belanjawan pertumbuhan bagi tahun depan dengan lebih banyak perbelanjaan prasarana bagi projek strategik seperti jalan raya serta perumahan kos rendah dan sederhana.

Ia juga menjangkakan bahawa kerajaan akan menaikkan kadar konservatif KDNK sebanyak satu peratus bagi tahun ini apabila Belanjawan itu dibentangkan nanti.

"Belanjawan pertumbuhan adalah dijangkakan menjelang pilihan raya umum dengan satu lagi defisit kewangan sebanyak lapan peratus KDNK. Walaupun defisit 1999 dikaitkan kepada kekurangan jumlah cukai yang diterima akibat kekurangan kegiatan ekonomi, kami menjangkakan perbelanjaan prasarana yang lebih tinggi akan menjadi penyumbang utama kepada defisit tahun 2000 apabila kerajaan meneruskan projek-projek strategik iaitu jalan raya dan rumah-rumah kos rendah dan sederhana," kata seorang penganalisis.

Katanya, menjelang pilihan raya umum yang mesti diadakan menjelang pertengahan tahun depan, kerajaan akan bersikap 'amat memilih' dalam menaikkan cukai-cukai tertentu supaya tidak menambahkan bebanan ke atas pengundi.

Seorang lagi penganalisis berkata, kerajaan akan memberikan tumpuan kepada langkah menggalakkan penggunaan dan pelaburan dalam Belanjawan 2000 selaras usahanya mengukuhkan lagi pemulihan ekonomi negara.

(END)